

22 MAC 2018

## 179 ketul ganja RM528,000 dirampas

### 179 ketul ganja RM528,000 dirampas

KUALA LUMPUR - Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman bersama Pasukan Khas Taktikal dan Risikan Narkotik (Sting) berjaya menumpaskan sindiket pengedaran dadah dalam satu operasi yang dilaksanakan di sekitar Plaza Tol Rawang, kelmarin.

Pengarah JSJN Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh berkata, operasi sekitar jam 2.40 pagi itu berjaya merampas kira-kira 179 ketulan dadah disyaki ganja dengan anggaran berat sekitar 175.61 kilogram.

"Hasil daripada maklumat orang awam, polis telah melancarkan operasi ini dan nilai rampasan dadah tersebut dianggarkan bernilai kira-kira RM528,000," katanya pada sidang media yang berlangsung di Ibu Pejabat Polis (IPD) Gombak, semalam.

Mengulas lanjut mengenai kejayaan itu, Mohamad berkata pihaknya telah bertindak untuk menahan sebuah kereta jenis Perodua Myvi dalam operasi tersebut setelah seminggu membuat persediaan bagi mematahkan cubaan menyeludup dadah tersebut.

Mohamad berkata, me-



Mohamad (depan, tiga kanan) menunjukkan dadah yang dirampas dalam operasi itu.

nerusi pemeriksaan, pihaknya telah menemui ketulan dadah di dalam bonet kenderaan berkenaan yang dipercayai dibawa masuk dari negara seberang.

"Kenderaan suspek juga turut disita dan nilai sitaan adalah RM30,000.

"Polis yakin dadah ini dibawa masuk dari negara jiran untuk pasaran tempatan khususnya di sekitar Lembah Klang," katanya.

Susulan itu, beliau berkata dua suspek lelaki berusia

sekitar 23 dan 53 tahun telah ditahan berikutan dipercayai terlibat dengan sindiket tersebut.

Tambahnya, kedua-dua suspek terlibat akan reman selama tujuh hari bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah bagi siasatan lanjut di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Merbahaya 1952.

"Jika disabitkan kesalahan suspek terlibat juga boleh dijatuhkan hukuman mati," katanya.